

## PUSAT PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI (PPQ)

**NAMA DOKUMEN** : *ADVISORY NOTE NO. 7/ 2021*  
**PANDUAN LANTIKAN STAF AKADEMIK GRADUAN**  
**ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING**  
**(APEL)**


**NOMBOR RUJUKAN** : -

**EDISI** : -

**TARIKH KUATKUASA** : **7 DISEMBER 2022**

### DILULUSKAN

Tandatangan :



Nama: Prof. Madya Dr. Noor Hasmini binti Hj Abd Ghani

Jawatan: Pengarah PPQ

Tarikh: 12 Disember 2021



## ADVISORY NOTE NO. 7/2021

### PANDUAN LANTIKAN STAF AKADEMIK GRADUAN ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING (APEL)

#### PENDAHULUAN

1. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah memperkenalkan *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) pada tahun 2008 dengan menyediakan akses ke program pendidikan tinggi bagi individu yang telah memperoleh pembelajaran bukan formal dan tidak formal sepanjang hidup melalui pengalaman kerja dan kehidupan yang dikenali sebagai **APEL untuk Akses (APEL.A)**. Ini diikuti dengan kelulusan dasar asas pelaksanaan APEL dan MQA telah dijadikan sebagai agensi yang memproses penilaian APEL pada tahun 2010.
2. MQA juga telah membina instrumen penilaian APEL dan telah membuka khidmat penilaian APEL kepada umum bagi tujuan kemasukan ke program Sarjana Muda (APEL T-6) bermula 1 September 2011. Pelaksanaan APEL diteruskan dengan pembukaan laluan ke program Sijil (APEL T-3) dan Diploma (APEL T-4) pada 1 Februari 2013. Selanjutnya pada 18 Februari 2014, APEL bagi tujuan akses ke program peringkat Sarjana (APEL T-7) mula dilaksanakan.
3. Pada 27 September 2016, MQA telah melancarkan pelaksanaan **APEL bagi Tujuan Penganugerahan Kredit (APEL.C)**. Melalui APEL.C, individu yang telah memperoleh **pembelajaran bukan formal dan tidak formal sepanjang hidup melalui pengalaman kerja dan kehidupan serta himpunan kursus pendek** dapat dinilai yang akhirnya membawa kepada **penganugerahan kredit** untuk kursus dalam program pengajian yang sedang diikuti.
4. Bagi melengkapkan kitaran APEL, MQA juga telah memperkenalkan **APEL bagi tujuan Penganugerahan Kelayakan Akademik (APEL.Q)**. Dasar pelaksanaan APEL.Q telah dibina dan diluluskan pada 5 Disember 2019 dan diikuti dengan kelulusan Garis Panduan Amalan Baik: APEL.Q (GGP: APEL.Q) pada 3 Disember 2020. Pelaksanaan APEL.Q merangkumi kelayakan akademik pelbagai tahap dalam MQF iaitu **Sijil (Tahap 3, MQF) hingga Kedoktoran (Tahap 8, MQF)**.

5. Selain APEL yang dilaksanakan di Malaysia, pengiktirafan bagi pembelajaran sepanjang hayat juga merujuk kepada *Recognition of Prior Experiential Learning* (RPEL) atau *Recognition of Prior Learning* (RPL).

#### **ISU PELANTIKAN STAF AKADEMIK DARI GRADUAN APEL**

6. MQA telah menerima pertanyaan daripada graduan APEL, Ahli Panel Penilai (APP) dan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) yang ingin mendapatkan panduan berkaitan lantikan graduan APEL sebagai staf akademik di PPT seperti berikut:
  - i. sama ada graduan APEL Sarjana (Tahap 7, MQF) dengan pengalaman atau tanpa pengalaman boleh dilantik menjadi staf akademik tanpa memiliki kelayakan Sarjana Muda (Tahap 6, MQF);
  - ii. sama ada graduan APEL yang memiliki kelayakan misalnya Diploma (Tahap 4, MQF) / Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) / Sarjana (Tahap 7, MQF) dengan beberapa tahun pengalaman boleh dilantik sebagai staf akademik pada tahap yang sama dengan kelayakan yang dimiliki;
  - iii. sama ada graduan APEL yang memiliki kelayakan Sarjana (Tahap 7, MQF) boleh dilantik sebagai staf akademik untuk mengajar program Sarjana Muda (Tahap 6, MQF); dan
  - iv. sama ada terdapat kriteria-kriteria khusus graduan APEL yang boleh dipertimbangkan untuk dilantik sebagai staf akademik.

#### **PANDUAN UMUM**

7. Panduan ini adalah bersifat *advisory* kepada PPT berkaitan lantikan graduan APEL sebagai staf akademik di PPT selari dengan keperluan standard asas bidang staf akademik, Kod Amalan Akreditasi Program (Code of Practice for Programme Accreditation, COPPA), Kod Amalan Akreditasi Program: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh (Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning, COPPA: ODL) dan Kod Amalan Audit Institusi (Code of Practice for Institutional Audit, COPIA).
8. "PPT" merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakredit oleh MQA.

## PRINSIP-PRINSIP UTAMA

9. Prinsip-prinsip utama yang diambil kira dalam penetapan panduan umum ini adalah seperti berikut:
- i. PPT harus memastikan bahawa staf akademik graduan APEL ditugaskan mengajar kursus sama ada teori atau praktikal **berdasarkan kelayakan dan bidang kepakaran mereka sahaja**. PPT boleh melaksanakan **saringan yang bersesuaian** berdasarkan bidang.
  - ii. Kriteria pelantikan staf akademik daripada **graduan APEL.Q** bagi **peringkat Sijil (Tahap 3, MQF) hingga Sarjana Muda (Tahap 6, MQF)** **tidak tertakluk** kepada keperluan bilangan tahun **pengalaman kerja** dalam bidang berkaitan.
  - iii. **Bagi peringkat Sarjana (Tahap 7, MQF) dan Kedoktoran (Tahap 8, MQF)**, graduan **APEL.A dan APEL.Q** yang mempunyai **pengalaman mengajar terdahulu** dalam bidang berkaitan juga boleh dipertimbangkan untuk dilantik sebagai staf akademik.
  - iv. Dirujuk bersekali dengan **standard program**. Jika standard program menetapkan keperluan lebih tinggi, maka standard yang **lebih tinggi adalah terpakai**.
  - v. Bagi program yang melibatkan badan profesional, ia tertakluk kepada ketetapan badan profesional yang berkaitan.

## KRITERIA PELANTIKAN

10. Panduan kelayakan minimum staf akademik graduan APEL bagi semua peringkat pengajian dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) adalah seperti berikut:

BIL.	PERINGKAT	KELAYAKAN MINIMUM STAF AKADEMIK GRADUAN APEL
1.	Sijil (Tahap 3, MQF)	Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan;  atau  Diploma (Tahap 4, MQF) dalam bidang berkaitan dengan <b>minimum DUA tahun pengalaman kerja berkaitan yang diperolehi selepas bergraduasi</b> .

BIL.	PERINGKAT	KELAYAKAN MINIMUM STAF AKADEMIK GRADUAN APEL
2.	Diploma (Tahap 4, MQF)	Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan;  atau  Diploma (Tahap 4, MQF) dalam bidang berkaitan dengan <b>minimum TIGA tahun pengalaman kerja berkaitan yang diperolehi selepas bergraduasi.</b>
3.	Sarjana Muda (Tahap 6, MQF)	Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam bidang berkaitan;  atau  Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) dalam bidang berkaitan dengan <b>minimum LIMA tahun pengalaman kerja berkaitan yang diperolehi selepas bergraduasi.</b>
4.	Sarjana secara Kerja Kursus dan Mod Campuran (Tahap 7, MQF)	Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam bidang berkaitan;  atau  Sarjana (Tahap 7, MQF) dalam bidang berkaitan dengan <b>minimum LIMA tahun pengalaman mengajar dalam bidang berkaitan.</b>
5.	Kedoktoran secara Kerja Kursus dan Mod Campuran (Tahap 8, MQF)	Kedoktoran (Tahap 8, MQF) dalam bidang berkaitan dengan <b>minimum DUA tahun pengalaman mengajar dalam bidang berkaitan.</b>

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di [www2.mqa.gov.my/sppa/](http://www2.mqa.gov.my/sppa/).

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**

**7 Disember 2021**

**SENARAI DOKUMEN BERKAITAN YANG BOLEH DIRUJUK:**

**i. MALAYSIAN QUALIFICATIONS FRAMEWORK (MQF) 2<sup>ND</sup> EDITION**

<https://www.mqa.gov.my/pv4/document/mqf/2019/Oct/updated%20MQF%20Ed%202%2024102019.pdf>

**ii. KOD AMALAN AKREDITASI PROGRAM (CODE OF PRACTICE FOR PROGRAMME ACCREDITATION, COPPA) EDISI KEDUA**

<https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/2021/June/COPPA%202nd%20Ed%20110621.pdf>

**iii. KOD AMALAN AKREDITASI PROGRAM: PEMBELAJARAN TERBUKA DAN JARAK JAUH (CODE OF PRACTICE FOR PROGRAMME ACCREDITATION: OPEN AND DISTANCE LEARNING, COPPA:ODL) EDISI KEDUA**

<https://www2.mqa.gov.my/qad/v2/2021/June/Final%20COPPA-ODL%202nd%20edition%204062021.pdf>

**iv. KOD AMALAN AUDIT INSTITUSI (CODE OF PRACTICE FOR INSTITUTIONAL AUDIT, COPIA)**

<https://www2.mqa.gov.my/qad/garispanduan/COPIA/COPIA%202nd%20Edition.pdf>

**v. GARIS PANDUAN AMALAN BAIK: PENGAKREDITAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PENGALAMAN TERDAHULU (GUIDELINE TO GOOD PRACTICES: ACCREDITATION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING, GGP: APEL)**

[https://www2.mqa.gov.my/QAD/garispanduan/2019/GGP%20APEL%20\(A\)/2.%20GGP%20-%20APEL\\_BI%20-%20\[FB\].pdf](https://www2.mqa.gov.my/QAD/garispanduan/2019/GGP%20APEL%20(A)/2.%20GGP%20-%20APEL_BI%20-%20[FB].pdf)